



SIARAN MEDIA

PKS DIPERSIAP HADAPI PERUBAHAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

Putrajaya, 15 Oktober 2019 – Dalam usaha mempersiapkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menghadapi perubahan teknologi dan inovasi, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui SME Corp. Malaysia telah menganjurkan Persidangan Masa Depan PKS 2019 pada 15-16 Oktober 2019. Ianya telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Persidangan ini bertujuan untuk memberikan maklumat, pengetahuan, teknik dan solusi yang berkaitan untuk mempercepatkan pertumbuhan dan pembangunan PKS di masa hadapan bagi memastikan PKS tempatan kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran pasaran yang semakin kompetitif. Persidangan yang bertemakan 'Menjuruterai Masa Depan' turut menampilkan pakar industri yang berpengalaman untuk berkongsi dan bertukar pengetahuan, kepakaran dan pandangan mereka mengenai trend perniagaan masa hadapan, inovasi, teknologi, strategi dan amalan terbaik dalam era digital Industri 4.0. Seramai 30 orang pakar industri terlibat dalam persidangan ini, antaranya iPay88, Ata Plus Sdn Bhd, Petronas, Huawei Technologies, Axiata Digital Services Sdn Bhd dan wakil-wakil sektor swasta dari Filipina, Thailand dan Myanmar.

Melalui persidangan ini, seramai 500 orang peserta telah berpeluang mendapatkan maklumat serta inspirasi melalui trend dan solusi baharu yang terbukti boleh memberi kesan kepada hasil perniagaan masa hadapan. Pameran turut diadakan bagi mempamerkan teknologi masa hadapan seperti *Autonomous robot*, keselamatan siber, *Big Data Analytics*, integrasi sistem dan simulasi.

Bersempena dengan persidangan ini, sesi *Technology Need Pitching* turut diadakan bagi memberi pendedahan kepada PKS mengenai teknologi terkini dan masa depan yang boleh diadaptasi untuk meningkatkan produktiviti dan keupayaan PKS. Sesi ini

juga menyediakan platform kepada penyedia/pembangun teknologi untuk berkongsi dengan PKS berkenaan produk dan perkhidmatan serta solusi yang paling inovatif dan kos efektif dalam pelbagai bidang. Sesi ini telah menarik minat PKS yang ingin meluaskan perniagaan dan meneroka peluang pembangunan, perkhidmatan dan trend teknologi baru. Antara pakar teknologi telah terlibat dalam sesi ini iaitu Hewlett-Packard (M) Sdn Bhd, Huawei Technology (M) Sdn Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Mimos Bhd, Fourfang Sdn Bhd, United Overseas Bank (Malaysia) Bhd, Recove Group Sdn Bhd, 3D Gens Sdn Bhd dan Robopreneur Sdn Bhd.

Menurut YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, “Persidangan ini diadakan sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai sumbangan PKS kepada KDNK sebanyak 50% menjelang tahun 2030, sepertimana disasarkan di bawah Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030. Selain itu, sejumlah 164 program pembangunan PKS dan keusahawanan telah dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dan agensi dengan komitmen kewangan sebanyak RM13.70 bilion pada tahun 2019. Ini termasuk 28 program yang memberi tumpuan kepada inovasi dan penerapan teknologi dengan komitmen kewangan sebanyak RM148 juta”. Usaha ini adalah bagi memastikan PKS di Malaysia bersedia menghadapi perubahan teknologi dan inovasi dan seterusnya mampu berdaya saing dengan syarikat-syarikat besar.

Turut hadir di majlis ini adalah Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Setiausaha MED, Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia dan Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia serta rakan-rakan strategik iaitu SME Bank, TM Unifi, RHB Bank, ASEAN BAC, Digi Telecommunications, TalentCorp dan MIDF.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Encik Muhammad Ibrahim atau Puan Amy Sarah Ahmad Fuad di talian 03-2775 6170 / 6352 atau emel – muhamad@smecorp.gov.my / amysarah@smecorp.gov.my

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-2775 6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.

SME Corp. Malaysia

-
SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.